

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 02 FEBRUARI 2018

MUKA SURAT: 07

## Iklan ah long undang padah

**KUALA LUMPUR 1 Feb.** - Biar pun pelbagai cara dilakukan oleh pemilik kedai, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia (TM) dan pihak berkuasa tempatan (PBT), petugas-petugas ah long bagaikan tidak ada hati perut terus menjadikan harta orang lain sebagai medan mengiklankan perniagaan haram mereka.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, nota 'jangan tampal di sini' hinggalah jaring besi di kotak pengagihan (*distribution box*) milik TNB dan TM, pelekat-pelekat tersebut masih ditampal bagi membolehkan lebih ramai menjadi mangsa kegiatan mereka.

Tidak kisah dengan pandangan orang lain, pekerja-pekerja ah long terus melakukan kegiatan mereka walaupun pada siang hari secara terang-terangan membuatkan hal itu bagai tiada kesudahan.

Mungkin kini sudah masa, pihak berkuasa mengetatkan peraturan dan undang-undang yang boleh mendakwa mereka yang menampal iklan tersebut di tempat awam bagi mengelakkan vandalisme itu diturangkan.

Perkara itu dilihat mempunyai hubung kait dengan pelbagai aktiviti jenayah yang dilakukan atas nama pemberi pinjaman wang berlesen seperti pembunuhan, peras ugut, penculikan dan sebagainya.

Seharusnya syarikat pinjaman tersebut tertakluk kepada Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 dan Peraturan-Peraturan Pindaan 2010, di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang tidak membenarkan sebarang periklanan dilakukan.

Ketua Unit Tindakan Khas Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Yusuf Azmi berkata, pihak Kementerian bukan sahaja boleh mengeluarkan lesen baharu untuk memantau salah guna yang dilakukan oleh kesemua syarikat tersebut.

Menurutnya, pelbagai kesalahan dilanggar oleh ah long dalam menjalankan perniagaan tetapi gagal untuk diambil tindakan kerana tiada penguatkuasaan dilakukan terhadap mereka hingga ramai menjadi mangsa kelicikan dan penipuan syarikat tersebut.

Yusuf berkata, tindakan bergantung 'banner' dan menampal pelekat iklan oleh pekerja itu merupakan kesalahan yang harus diambil perhatian kerana bermula dari situah ramai akan tertipu



**TINDAKAN** ah long yang sewenang-wenangnya menampal kertas-kertas iklan di sepanjang Taman Fadzlan, Kepong, di Kuala Lumpur ini, seolah-olah mencabar undang-undang. - UTUSAN/NASIRRUDDIN YAZID



**TIANG-TIANG** jambatan sering menjadi mangsa ah long melekatkan kertas iklan sehingga mencecahkan pemandangan di bandar raya Kuala Lumpur. - UTUSAN/NOORADZRENE MOHAMMED NOOR

dan menjadi mangsa ah long.

"Kementerian sering lepas tangan jika melibatkan syarikat pinjaman wang tidak berlesen. Seharusnya Kementerian perlu bertanggungjawab kerana ia mempunyai bidang kuasa dalam perkara itu," tegasnya.

Yusuf menambah, sebarang tindakan yang diambil terhadap pekerja yang menampal iklan tidak akan mampu menumpaskan kegiatan ah long, malah mereka menggunakan pelbagai medium lain termasuk pesanan

ringkas dan laman sosial untuk menarik mangsa.

Ada di antara pelerja jelasnya, bulan warga tempatan dan hanya dibayar gaji melakukan kerja tersebut dan tidak mengetahui apa-apa mengenai operasi syarikat pinjaman itu.

"Semua harus sepatat tidak kira apa jua agensi termasuk polis untuk bertindak secara lebih holistik bagi memastikan kegiatan ah long ditumpaskan bagi mengelak ramai menjadi mangsa," katanya.

## Tubuh unit banteras ah long

**KUALA LUMPUR 1 Feb.**

Sudah tiba masanya satu unit tindakan khas ditubuhkan meliputi pelbagai agensi kerajaan yang terlibat bagi membanteras kegiatan ah long yang banyak membawa kerosakan pada masyarakat.



**JACOB GEORGE**

Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA), Datuk Dr. Jacob George berkata, unit itu perlu melibatkan semua pihak

termasuk polis, pihak berkuasa tempatan, kementerian terlibat serta persatuan pengguna sebagai salah satu cara membanteras ah long.

Menurutnya, sudah lebih 15 tahun pihaknya mengutarakan permasalahan itu namun sehingga kini ia gagal diselesaikan malah pelbagai alasan diberikan oleh pihak berkuasa tempatan.

"Pelbagai alasan diterima namun semua mengetahui bahawa pihak berkuasa yang bertanggungjawab memberikan lesen kepada syarikat tersebut beroperasi maka sudah pasti mereka juga tahu siapa terlibat."

"Kita bukan hendak menghukum pihak berkuasa, tetapi kami mahu beri kerjasama agar permasalahan tersebut dapat dihapuskan lebih-lebih lagi ia berkaitan dengan perbuatan jenayah dan sebagainya," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

## PBT lepas tangan isu ah long?

**KUALA LUMPUR 1 Feb.** - Pihak berkuasa tempatan (PBT) seakan lepas tangan akan isu membabitkan ah long biarpun sudah lebih 10 tahun permasalahan yang sama dihadapi oleh banyak pihak.

Peniaga, Muhammad Aisamuddin Md. Asri berkata, sudah lebih enam kali laporan dibuat namun masalah iklan ah long gagal diselesaikan biarpun telah berjumpa dengan pihak atasan PBT tersebut.

Menurutnya, aduan pertama pada 2011 dan terakhir pada tahun lalu, maklum balas diterima hanyalah melalui surat yang memaklumkan alan ada tindakan oleh pihak PBT, namun perkara itu mampu bertahan tidak sampai sebulan sebelum masalah sama berulang lagi.

"Saya pernah bertanyakan adakah salah jika saya menagkap pekerja yang menampal iklan tersebut dan serahkan kepada mereka, namun jawapan yang diterima agak mendukacitakan

kerana mereka tiada kuasa atas perkara itu.

"Apa yang dikesalkan, jika orang awam meletakkan kenderaan secara salah, tidak membayar tempat letak, lereka dan lambat membayar cukai pasti pelbagai surat amaran akan diterima tetapi iklan ah long yang berlarutan lebih 10 tahun tiada sebarang perubahan," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Muhammad Aisamuddin berkata, meskipun PBT tidak lisah akan harta benda peniaga yang dirosakkan oleh ah long asalkan cukai dan lesen perniagaan dibayar setiap tahun tetapi bagaimana pula harta mereka yang dicemari iklan tersebut.

Menurutnya, setiap bulan petugas PBT akan melakukan pembersihan terhadap harta benda mereka yang dirosakkan dan tidak lama kemudian iklan itu akan ditampal semula oleh ah long sama atau syarikat lain.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN